

Surat terbuka Tun M untuk pengundi Tanjung Piai

PM selar politik perkauman boleh cetus rasa tidak puas hati, gugat perpaduan rakyat

Oleh Junita Mat Rasid dan Ifwan Tun Tuah
bhnews@bh.com.my

Pontian: Tun Dr Mahathir Mohamad menyelar politik perkauman yang boleh mengakibatkan tercetus rasa tidak puas hati sehingga menggugat perpaduan dalam kalangan rakyat.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) berkata, ia berbeza dengan kepercayaan kerajaan yang percaya kepada kesederhanaan dalam cara berpolitik.

Sehubungan itu katanya, rakyat perlu memperlihatkan bahawa mereka tidak terpengaruh dengan politik sempit itu untuk kepentingan segelintir pihak.

“Kerajaan ini percaya kepada kesederhanaan dalam cara berpolitiknya. Terdapat usaha melagala rakyat.”

“Apabila berdepan dengan orang Melayu, mereka menuduh kerajaan ini walaupun dipimpin oleh orang Melayu mengadai se-

gala-galanya kepada orang bukan Melayu.

“Apabila mereka menemui orang bukan Melayu mereka menghasut bahawa pemimpin bukan Melayu dalam kerajaan sudah hilang perjuangan mereka kerana menjaga kedudukan.

“Akibatnya, orang Melayu berasa masa depan mereka tidak terjamin dengan kerajaan ini. Pada masa sama orang bukan Melayu turut tidak puas hati dengan ahli kerajaan bukan Melayu kerana dituduh membelakangkan kepentingan mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam surat terbuka kepada pengundi sempena kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai, pada Ceramah Perdana PH, di Kukup, di sini, malam tadi.

Surat terbuka itu diedarkan kepada orang ramai yang hadir pada majlis ceramah berkenaan.

Dr Mahathir berkata, dua perkara itu tidak boleh berlaku dalam satu masa sama dengan kerajaan sama.

Katanya, jika orang Melayu berasa bahawa kerajaan gagal mempertahankan kepentingan Melayu, maka orang bukan Melayu seharusnya rasa puas hati.

“Dan jika orang bukan Melayu merasa tidak puas hati dengan kerajaan ini kerana dikatakan tidak mempertahankan kepentingan mereka, seharusnya orang Melayu berasa puas kerana men-



tidak dapat kehendak mereka.

“Ini berlaku kerana kerajaan ini bertindak di atas dasar konsensus apabila melakukan keputusan. Ini bermakna setiap kepentingan rakyat diambil kira sebelum sesuatu keputusan dibuat.

“Apabila kita membuat keputusan dengan cara yang demikian, setiap kaum dan kumpulan tidak berasa puas hati sepenuhnya.

“Bagi saya ini adalah lebih baik daripada satu pihak berasa begitu puas hati dan pihak yang lain akan berasa begitu tidak puas hati,” katanya

Dr Mahathir berkata, pentadbiran kerajaan PH yang memasuki usia 18 bulan melalui satu tempoh sukar untuk mengembalikan negara ke atas landasan yang betul dan memperbaiki ke-

rosakan lalu yang begitu teruk.

“Memang benar kita tidak boleh selalu menyalahkan kerajaan terdahulu dalam usaha memajukan negara dan memastikan kesejahteraan rakyat.

“Pada masa sama sudah pasti rakyat yang mengikuti perkembangan kes di mahkamah akan menyedari bahawa kerosakan yang berlaku akibat perbuatan rasuah dan salah guna kuasa hampir menjahajahkan negara,” katanya.

Sehubungan itu Dr Mahathir berkata satu keutamaan kerajaan ialah mengambil langkah jelas dan tegas untuk memastikan perbuatan seumpama itu tidak berulang dan pemimpin negara tidak berpeluang mencari kemewahan diri tanpa rasa takut akan hukuman yang menanti.

Katanya, selain dari fokus kepada langkah mengekang perbuatan rasuah dan salah guna kuasa, kerajaan turut menumpu kepada memulih ekonomi negara.

Selain meneruskan rancangan Malaysia, kerajaan turut memperkenalkan strategi jangka pendek dan jangka panjang termasuklah Wawasan Kemakmuran Bersama yang diyakini dapat mengurangkan jurang pendapatan antara kaum, daerah dan wilayah.

“Perancangan ini mengambil sedikit masa tetapi rakyat akan mula merasai nikmat tidak lama lagi.

“Saya percaya, jika rakyat menilai dengan baik, sudah pasti mereka dapat melihat dan merasai nikmat yang datang walaupun secara beransur-ansur.

“Selain itu, mereka juga pasti dapat melihat betapa pemimpin daripada parti kerajaan sekarang berserta isteri mereka tidak bermewah-mewah dengan harta rakyat,” katanya

Terdahulu, Dr Mahathir memperkerusikan mesyuarat tertutup bersama-sama ketua Pusat Daerah Mengundi (PDM) PH sempena PRK itu.

Beliau tiba jam 4.45 petang sebelum memulakan mesyuarat kira-kira jam 5 petang di sebuah hotel.

Yang turut hadir, Timbalan Presiden PH yang juga Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Timbalan Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH) Datuk Seri Salahuddin Ayub dan Menteri Besar Johor merangkap Pengarah Jentera PH PRK Parlimen Tanjung Piai, Datuk Dr Sahrudin Jamal.

Hari ini, Dr Mahathir akan menyertai program sarapan bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Pekan Nanas.

Beliau dijangka menghadiri dialog bersama penjawat awam Johor mengenai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 di Senai, sebelum pulang ke Kuala Lumpur.

BH-14/11/2019 ml: 2